




29 OCT, 2024

## Berkat doa ibu - Aishah Azman

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

# Berkat doa ibu - Aishah Azman



**KUALA LUMPUR:** Pelakon, Aishah Azman, 29, tidak menolak kemenangannya sebagai Pelakon Komedi TV Terbaik sempena Malam Anugerah Seri Angkasa 2024 (ASA2024) Ahad lalu, kerana berkatnya doa seorang ibu.

Menurut Aishah, dia yakin, ibunya, Hasliza Mohd, sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan anak-anaknya dalam apa jua bidang yang diceburi, sekali gus menjadi antara penyebab rezeki kemenangan di ASA2024 berpihak kepadanya.

Malah, Aishah yang kini berada di Tanah Suci Mekah menunaikan umrah mengakui, tidak pernah mendoakan kemenangan khusus untuk merangkul anugerah tersebut.

"Saya pergi menunaikan umrah ini pun, tiada satu doa khusus yang saya sebut untuk menang anugerah meskipun tahu diri tercalon untuk kategori itu.

"Memang hanya fokus

umrah dan doa untuk benda lain. Tiba-tiba dapat panggilan daripada keluarga tempoh hari, ingatkan ada perkara kecemasan sebab dapat banyak *mised call*.

"Rupa-rupanya mereka nak beritahu saya menang anugerah. Bagi saya, segala yang Allah bagi, berkat doa umie saya. Doa umie sahaja yang makbul," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Aishah berkata, di sebalik rasa syukur diangkat sebagai Pelakon Komedi TV Terbaik, anugerah tersebut turut berat untuk dipikul terutama dari aspek jangkaan dan harapan orang ramai.

"Bagi saya, menerima anugerah sebagai pelakon komedi terbaik ni berat sebenarnya nak pikul. Semua tahu ASA ini bukan daripada undian peminat, ia memang sepenuhnya daripada juri yang arif tentang industri seni hiburan kita.

"Saya percaya jika terpilih untuk menang itu adalah rezeki dan mereka menghargai setiap seni komedi yang saya kongsi dalam drama *Jodoh Ayahku*,"katanya.



29 OCT, 2024

## Berkat doa ibu - Aishah Azman

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Pelakon, Aishah Azman, 29, tidak menolak kemenangannya sebagai Pelakon Komedi TV Terbaik sempena Malam Anugerah Seri Angkasa 2024 (ASA2024) Ahad lalu, kerana berkatnya doa seorang ibu. Menurut Aishah, dia yakin, ibunya, Hasliza Mohd, sentiasa mendoakan kesejahteraan dan kejayaan anak-anaknya dalam apa jua bidang yang diceburi, sekali gus menjadi antara penyebab rezeki kemenangan di ASA2024 berpihak kepadanya.